

<b>Headline</b>	<b>Kos bahan api penjanaan elektrik masih tinggi</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Apr 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>82,252</b>	<b>Readership</b>	<b>246,756</b>
<b>Section</b>	<b>Bisnes</b>	<b>Page No</b>	<b>28</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>246 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 24,438</b>		



# Kos bahan api penjanaan elektrik masih tinggi

**Tenaga** Nasional Bhd (TNB) masih berdepan tekanan kos bahan api penjanaan elektrik yang lebih tinggi berbanding tarif asas elektrik yang ditetapkan.

Pengerusinya, Tan Sri Leo Mogie, berkata antara yang terbesar adalah kos arang batu kerana harganya masih lebih tinggi di pasaran antarabangsa pada AS\$90 satu tan, berbanding tarif asas yang ditetapkan pada AS\$75 satu tan.

Dalam masa sama, katanya penjanaan elektrik yang menggunakan bahan api gas juga lebih tinggi sekitar RM28 untuk setiap juta unit thermal British (MMBtu) di pasaran berbanding tarif asas RM27.20 per MMBtu ditetapkan bagi Januari

2019 hingga Disember 2020.

"Memang harga arang batu nampak turun, namun dari perspektif komoditi antarabangsa harganya lebih tinggi daripada tarif asas yang ditetapkan untuk penjanaan kuasa.

## Terpulang kerajaan semak tarif

"Daripada pandangan TNB, selagi dasar semakan semula ke atas kos bahan api dan kos penjanaan lain (ICPT) dilaksanakan, kita mengikut sistem yang ada dan kerajaan akan membuat semakan kos pembekalan elektrik setiap enam bulan.

"Maka, terpulang kepada kerajaan sepenuhnya (untuk melaku-

kukan semakan tarif), kerana bukan tugas TNB untuk campur tangan apa yang diputuskan kerajaan," katanya kepada media selepas menjadi panel Forum CEO 2019, di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, fokus TNB kini adalah untuk menyediakan syarikat untuk mendepani implikasi revolusi industri 4.0 (IR4.0).

Katanya, usaha syarikat termasuk mengikuti perkembangan teknologi termaju industri kini seperti penerapan sistem rangkaian pintar dan teknologi berdasarkan kepintaran IoT sesuai dengan permintaan pengguna di negara ini.



[ FOTO HIASAN ]

Fokus TNB kini adalah untuk mendepani implikasi revolusi industri 4.0.